

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HMT 124 - SEJARAH DAN NAHU TRADISIONAL  
BAHASA MELAYU**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

**Bahagian A: Jawab DUA soalan.**

1. **Data 1a** dan **1b** yang berikut menunjukkan dua jenis bahasa Melayu yang wujud pada zaman tertentu sepanjang perkembangan bahasa Melayu. Berdasarkan kedua-dua data ini, bincangkan zaman bahasa Melayu ini digunakan, pengaruh luar yang mempengaruhi bahasa Melayu pada waktu itu, jenis bahasa Melayu yang digunakan, jenis aksara yang digunakan, dan DUA fungsi bahasa Melayu pada kedua-dua zaman ini.

[25 markah]

**Data 1a**

Sumber: Coedes (1992)

**Data 1b**

1. کلورکا رسوا حاو . . . . . کن اول
2. داع بریک کا مو . . . . . ورع برهوع
3. حاص معاصل . . . . . ماہلمکن امسٹ
4. کنسا درما بارع . . . . . رديکا
5. حاص معاصل بوکل بوت . . . . . ب امس
6. حکنا اصل ہلمکن امس کاسم درما بارع .
7. اورع برتوت للاحارا لاکي لاکي فرمفون مسه
8. دتوب ملنا رای حک مردیکا بوحس مالو
9. سرس راوس جک مردیکا براسری
10. انول فرمفون برسوامی داسم ہعکی
11. فکک دھمالع دعن ناتو ماسکی
12. حک انکر نا . . . . . ہمالع حل ائہ صدالنکا

Sumber: Noriah (1999)

2. Huraikan perkara di dalam [a], [b], dan [c] dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

[a] Maksud sinkronik dan diakronik.

[5 markah]

[b] Satu hujah yang diutarakan oleh Gorys Keraf (1984) untuk menguatkan hipotesis tanah asal orang Melayu di Nusantara.

[5 markah]

[c] Vokal-vokal yang wujud dalam bahasa Melayu kuno dan sebab-sebab vokal tertentu dalam bahasa Melayu moden tidak ada dalam bahasa Melayu kuno.

[15 markah]

3. Bincangkan aspek dasar bahasa dalam perancangan dasar bahasa Melayu moden di Malaysia.

[25 markah]

**Bahagian B:** Jawab DUA soalan.

4. Jawab soalan [a] dan [b] berdasarkan maklumat di dalam **Data 2**.

---

**Data 2**

---

HAH 452:14 “.. pahlawan yang besar-besar? Sesungguhnya engkau perdayakan mereka itu sekaliannya.” Maka jawab Amir Hamzah...  
HSR 237:7 . roboh tubuhnya. Maka Catayu Kisuberisu pun tiada berdayalah maka ia pun gugur ke bumi. Maka Maharaja Rawana pun ....

HSR 800:8 Maka segala negeri pun disuruh Laksmana perbaiki dan istana pun disuruh hiasi. Maka bunyi-bunyian pun .....  
HSR 25:8 segala ra`yat, maka maharaja Balikasya pun perbaiki negeri Biruhasyapurwa dan bertentukan segala ra`yat maka

HIP 166:4 ...setelah Indraputra sudah mandi maka ia bersalin kain lalu pergi.  
HIP 168:24 ...setelah itu maka Raja Syahsyian memberi persalin akan Indraputra dengan pakaian yang indah-indah.

HSR 741:11 ...maka sekah peristiwa dua orang budak itu bermain buah deli.  
HSR 149:10 maka ada seorang budak bongkok permain manduari

HSR 539:10 Indrajit datang maka Maharaja Rawana menangis bercintakan anakanda baginda.  
HSR 231:10 ...hanya meninggalkan tuan putri ini juga hamba percintakan.

SMY 58:12 Setelah raja Syahru'n Nuwi melihat persembah Sidi Ali Ghiathu'd-Din itu terlalulah sukacita  
SMY 241:30 Dewana datang kepada Datuk Bendahara, bersembah sepuluh kati emas, hendak menyuruh bunuh tuan...

---

[a] Berikan maksud pasangan kata kerja yang digariskan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan makna atau tidak antara kedua-dua ayat tersebut.

[12 markah]

[b] Sila kenal pasti kelas kata kerja berdasarkan Roolvink (1965) terhadap enam pasangan ayat di atas.

[13 markah]

...5/-

5. Jawab soalan [a] dan [b] berdasarkan maklumat di dalam **Data 3**.

---

**Data 3**

---

1. HSR 64513 “Aku hendak berlepas diriku tiada beroleh.”
2. TAN 305:7 Adalah ia diam di Senggarang berbuat istana di situ.
3. HMM 25:19 “... kepada kakandalah patik sekalian pertuankan.”
4. TAN 130:17 “Adapun saya hendak perbuat ini demikian itulah juga...”
5. SIA 101: 37 “Janganlah sangat engkau bercintakan aku.”
6. HIP 160:36 Maka segala anak raja-raja itu bertemulah dengan Indraputra
7. HRP 70:11 “...dan jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah mesyuaratmu.”
8. HMH: 264 Maka segala masing-masing berbaiki senjatanya lalu masuk ke medan
9. HSR 481: 9 “... sinda tiga bersaudara ini telah sinda bersembahkan nyawa.”
10. SMY 239:33 “Jikalau diampuni, patik bermain di hadapan duli paduka betara...”

- 
- [a] Baca ayat-ayat di atas dengan teliti dan kenal pasti ragam ayatnya sama ada *Action Trigger (AT)*, *Patient Trigger (PT)* atau *Subject Trigger (ST)* berdasarkan Cummings (1991).

[10 markah]

- [b] Huraikan enam peraturan Cummings (1991) untuk ayat-ayat taksa berstruktur Prn<sub>A</sub> VERB NP<sub>P</sub>.

[15 markah]

6. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Bandingkan fungsi gramatis imbuhan *per-*, *ber-* dan *memper-* dari abad ke-17 hingga abad ke-20 seperti yang dikemukakan oleh Roolvink (1965), Adelaar (1984), dan Syed Zainal Ariff (2002).

[12 markah]

- [b] Hubungan antara bahasa Melayu lama yang diwakili oleh empat (4) prasasti abad ke-7 yang dijumpai di Sumatera Utara dengan bahasa Melayu moden telah lama diperdebatkan. Menurut Teeuw (1959) terdapat dua kumpulan sarjana: Sarjana A menyokong dan Sarjana B membangkang bahawa bahasa Melayu moden berasal daripada bahasa Melayu lama. Berikan tiga hujah bagi menyokong Sarjana A dan tiga hujah bagi menyokong Sarjana B.

[13 markah]